

1979

KUALA LUMPUR, 16 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP PARA PEMAJU PERUMAHAN YANG MENGAMBIL KESEMPATAN DARI PERUBAHAN HARGA SIMEN UNTUK MENAIKKAN HARGA RUMAH YANG TERLEPIHAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK NAMPAK SEBARANG ALASAN MENGAPA HARGA RUMAH HENDAK DINAIKKAN DENGAN BERLEBIHAN SEDANGKAN PERUBAHAN HARGA SIMEN AMAT KECIL.

BELIAU MEMBERI AMARAN INI KETIKA MENGULAS LAPORAN-LAPORAN MENGENAI KEMUNGKINAN HARGA RUMAH NAIK 10 PERATUS PERIKUTAN PERUBAHAN HARGA SIMEN DARI HARGA PURATA \$7.50 SEKAMPIT KE HARGA MAKSIMA \$8.20 SEKAMPIT MULAI KELMARIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDASTERIAN MEMBERITAHU PARA PEMERITA DI SINI BELIAU MENGANGGAP SEBARANG KENAIKAN HARGA RUMAH SAPERTI YANG DILAPORKAN ITU SEBAGAI TINDAKAN Mencari KEUNTUNGAN TERLEPIHAN.

BELIAU MENEGASKAN DALAM PEMTINAAN RUMAH ATAU BANGUNAN, SIMEN CUMA MERUPAKAN EMPAT PERATUS DARI KOS KESELURUHANNYA. --BERSAMBUNG 1542/BY

££

P582

MAHATHIR-AMARAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUT ANGKA-ANGKA YANG DIBERIKAN OLEH PIHAK PEKILANG SIMEN PULA, PEMBINAAN SEPUAH RUMAH DUA TINGKAT PERFANDUNG CUMA MENGGUNAKAN PUERATA 250 KAMPIT SIMEN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +KATAKANLAH HARGA SIMEN \$9 SEKAMPIT .. INI BERMAKNA HARGA KESELURUHANNYA BAHAN INI CUMA \$2,250 SEDANGKAN RUMAH SEUMPAMA ITU KINI DIJUAL DENGAN HARGA \$70,000 SEUNIT.

+MEMANDANGKAN PERKARA INI, KITA TIDAK NAMPAK SEBARANG SEBAB MENGAPA HARGA RUMAH PERLU DI NAIKKAN 10 PERATUS+.

20

BELIAU BAGAIMANAPUN MENEGASKAN KENAIKAN HARGA RUMAH ANTARA DUA-TIGA PERATUS ADALAH MUNASABAH.

BELIAU JUGA MENJELASKAN PERUBAHAN HARGA SIMEN ADALAH YANG PERTAMA SEJAK TAHUN 1974 WALAUPUN KOS PEKILANGANNYA TELAH NAIK TERUTAMA BAHANAPI.

+PIHAK PEKILANG TELAH TERKALI-KALI MEMOHON PERUBAHAN HARGA TETAPI TELAH DITOLAK SEHINGGA IA SAMPAI KE PERINGKAT MEREKA MENGALAMI KERUGIAN DAN KERAJAAN TERPAKSA MELAKUKAN PERUBAHAN,+ TEGASNYA. --BERSAMBUNG 1545/Y

MAHATHIR-AMARAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN SEPELUM PERUBAHAN HARGA SIMEN, HARGA BAHAN ITU ADALAH PERFEZA-REZA ANTARA SATU KAWASAN DENGAN KAWASAN LAIN BERGANTUNG SAMADA KAWASAN ITU LETAKNYA TERDEKATAN KILANG-KILANG SIMEN.

SEBAGAI CONTOH, PARA PEMBELI DI SELANGOR DAN PERAK (KAWASAN TERLETAKNYA KILANG-KILANG SIMEN) DAPAT MEMBELI SIMEN DENGAN HARGA YANG LEBIH MURAH DARI PARA PEMBELI DI KAWASAN PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA.

+RASIONAL KERAJAAN MENGADAKAN HARGA MAKSIMA \$8.20 MELIPUTI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA ADALAH SUPAYA PEMBELI DI KAWASAN PANTAI BARAT DAPAT MENSATSIDISE PEMBELI DI PANTAI TIMUR+, TEGASNYA.

SELAIN ITU, PARA PEKILANG SIMEN JUGA TELAH MEMBERITAHU KERAJAAN BAHAWA JIKA HARGA SIMEN BERADA DI PARAS LAMA, ADA KEMUNGKINAN MEREKA TIDAK BOLEH MENERUSKAN PENGELUARAN.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA BEKALAN SIMEN ADALAH MENCUKUPI UNTUK KEPERLUAN NEGARA CUMA YANG MENJADI MASALAH TIDAK PENGANGKUTAN, TERUTAMA SEKALI KE NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR. --BERSAMBUNG 1550/BY

££

B584

MAHATHIR-AMARAN 4 KUALA LUMPUR

PARA PEKILANG BAGAIMANAPUN TELAH MEMBERI JAMINAN UNTUK MENENTUKAN BEKALAN YANG MENCUKUPI KE NEGERI-NEGERI ITU JIKA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PENYIMPANAN DAPAT DISEDIAKAN.

+KAMI TELHPUN BERJANJI AKAN MEMBANTU MEREKA MENGADAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INI SUPAYA BEKALAN UNTUK PANTAI TIMUR TERJAMIN+, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMPERITAHU PENGGUNAAN SIMEN TAHUN LALU BERJUMLAH 2.2 JUTA TAN METRIK BERLANDING DENGAN PENGELUARAN SEBANYAK 2.37 JUTA TAN METRIK. --PERNAMA 1552/BY